



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2008**

---

#### **TAWARAN OPSYEN SEMULA KEPADA ANGGOTA YANG TELAH MEMILIH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan menjelaskan syarat dan menetapkan prosedur bagi melaksanakan keputusan Kerajaan berkaitan pemberian opsyen semula kepada anggota tetap sektor awam (iaitu pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) yang telah memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah Seksyen 6A(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227) atau Seksyen 6A(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) sebagai skim faedah persaraan, untuk memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain mengikut peruntukan Seksyen 6A(6A) Akta 227 atau Seksyen 6A(6A) Akta 239.

## **LATAR BELAKANG**

2. Seksyen 6A(1) Akta 227 dan Seksyen 6A(1) Akta 239 memberi peluang kepada anggota yang dilantik pada atau selepas 12 April 1991 memilih Skim KWSP sebelum mereka disahkan dalam perkhidmatan. Subseksyen (3) di bawah seksyen yang sama pula menetapkan bahawa opsyen tersebut adalah menjadi muktamad apabila ia berkuat kuasa pada tarikh pengesahan dalam perkhidmatan anggota. Prosedur pemberian opsyen ini adalah seperti dinyatakan dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001.**

3. Seksyen 6A Akta 227 dan Seksyen 6A Akta 239 telah dipinda bagi membolehkan opsyen semula diberikan kepada anggota yang telah memilih Skim KWSP sebelum 1 Januari 2009 dan telah disahkan dalam perkhidmatannya sebelum tarikh tersebut.

4. Opsyen semula anggota di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini akan menjadi muktamad pada **1 Februari 2009.**

## **PELAKSANAAN**

### **Anggota Yang Layak Ditawarkan Opsyen Semula**

5. Opsyen semula ini layak ditawarkan kepada:

- (i) anggota tetap yang telah memilih Skim KWSP sebelum 1 Januari 2009 dan telah disahkan dalam perkhidmatannya sebelum tarikh itu; dan

- (ii) anggota tetap yang telah memilih Skim KWSP sebelum 1 Januari 2009 di mana tarikh pengesahan dalam perkhidmatannya dikebelakangkan sebelum 1 Januari 2009 tetapi dimaklumkan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) kepada anggota selepas 1 Januari 2009.
6. “Anggota tetap” yang dimaksudkan adalah termasuk anggota yang sedang—
- (i) dalam peminjaman;
  - (ii) dalam pertukaran sementara;
  - (iii) bercuti (cuti tanpa gaji, cuti separa gaji dan cuti sakit khas);
  - (iv) bercuti belajar atau berkursus;
  - (v) dalam tindakan tatatertib yang belum berkeputusan muktamad anggota itu dibuang kerja; dan/atau
  - (vi) dalam tindakan untuk disahkan dalam perkhidmatannya.

### **Anggota Yang Tidak Layak Ditawarkan Opsyen Semula**

7. Opsyen semula ini tidak layak ditawarkan kepada:
- (i) anggota yang telah memilih Skim KWSP dan telah bersara pada atau sebelum 1 Januari 2009; dan
  - (ii) pekerja yang telah memilih Skim KWSP dan berkhidmat di agensi Kerajaan berdasarkan sistem saraan yang diasingkan daripada Skim Baru (termasuk Sistem Saraan Baru dan Sistem Saraan Malaysia) dan pemberian faedah persaraannya adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 6B, 6C dan 6D, atau 6E, 6F dan 6G Akta 239.

## **Tanggungjawab Ketua Jabatan**

8. Ketua Jabatan hendaklah:

- (i) memberikan penjelasan mengenai perbandingan antara Skim KWSP dan pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**, sebelum anggota membuat pilihan melalui opsyen semula;
- (ii) mengedarkan Borang Opsyen Semula seperti di **Lampiran B** kepada setiap anggota yang layak diberi opsyen semula;
- (iii) memastikan anggota mengemukakan 2 salinan Borang Opsyen Semula yang telah dilengkapkan sebelum tarikh tamat tempoh opsyen semula dan mengembalikan sesalinan borang tersebut untuk rujukan anggota;
- (iv) menyimpan sesalinan Borang Opsyen Semula anggota dalam fail peribadinya;
- (v) merekodkan pilihan opsyen semula anggota dalam Buku Perkhidmatan dengan mencatatkan maklumat seperti di **Lampiran C**;
- (vi) memperakukan secepat mungkin setiap anggota yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain melalui opsyen semula ini kepada PBM, atau bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca

Perkhidmatan), untuk diberi taraf berpencen mengikut prosedur yang berkuat kuasa pada masa kini;

- (vii) mengisi dan mengembalikan borang maklum balas seperti di **Lampiran D** kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan) sebelum **7 Februari 2009**; dan
- (viii) memastikan pemberian opsyen semula kepada anggota di bawah perenggan 5(ii) Pekeliling Perkhidmatan ini diuruskan **segera** dalam tempoh **sebulan** selepas pengesahan perkhidmatannya dimaklumkan.

9. Bagi anggota yang dinyatakan di perenggan 6(vi) Pekeliling Perkhidmatan ini, Ketua Jabatan hendaklah menyegerakan perakuan kepada PBM untuk pengesahan dalam perkhidmatannya.

### **Tempoh Opsyen Semula**

10. Opsyen semula boleh dibuat mulai **1 Januari 2009** dan Borang Opsyen Semula hendaklah diserahkan kepada Ketua Jabatan **sebelum 1 Februari 2009**. Anggota yang tidak membuat opsyen semula atau tidak menyerahkan Borang Opsyen Semula sebelum tarikh tersebut atau yang membuat opsyen dengan bantahan atau syarat tambahan **disifatkan kekal di bawah Skim KWSP**. Opsyen oleh anggota berkuat kuasa pada **1 Februari 2009** dan adalah **muktamad**.

11. Bagi anggota di bawah perenggan 5(ii) Pekeliling Perkhidmatan ini yang dimaklumkan pengesahan dalam perkhidmatannya selepas 1 Januari 2009, tarikh muktamad opsyen semulanya ialah **sebulan daripada tarikh dia membuat opsyen semula itu**.

12. Sehubungan perenggan 11, jika anggota tersebut memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah pemberian opsyen semula ini dan dikenakan tindakan tata tertib yang berkeputusan beliau dibuang kerja atau dikehendaki bersara di bawah keadaan-keadaan yang dinyatakan dalam Seksyen 6A(6) Akta 227 atau Seksyen 6A(6) Akta 239 pada bila-bila masa sebelum genap sebulan daripada tarikh opsyen semulanya itu, beliau masih tertakluk kepada Skim KWSP (iaitu pilihan melalui opsyen asalnya).

### **IMPLIKASI OPSYEN SEMULA KEPADA ANGGOTA YANG MEMILIH PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN SEBAGAI SKIM FAEDAH PERSARAAN**

#### **Pemakaian Undang-Undang Pencen Dan Peraturan-Peraturan Lain**

13. Anggota yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah pemberian opsyen semula ini adalah tertakluk kepada undang-undang pencen serta Perintah Am, peraturan perkhidmatan, skim perkhidmatan, pekeliling perkhidmatan, surat pekeliling perkhidmatan dan arahan-arahan lain berkaitannya yang berkuat kuasa sehubungan dengan pemberian pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain.

#### **Pemberian Taraf Berpencen**

14. Perakuan pemberian taraf berpencen kepada anggota yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain di bawah opsyen semula ini hendaklah mengikut prosedur yang sedang berkuat kuasa. Borang Opsyen Semula anggota tersebut hendaklah dilampirkan semasa perakuan pemberian taraf berpencen dikemukakan kepada PBM, atau bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan, kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan). Tarikh kuat kuasa pemberian taraf berpencen tidak boleh lebih awal daripada 1 Februari 2009.

15. Bagi memenuhi syarat pemberian taraf berpencen seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Akta 227 atau Seksyen 6 Akta 239, tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira adalah **mulai tarikh pelantikan pertama anggota dalam perkhidmatan**, tertakluk kepada syarat-syarat mengenai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira di bawah undang-undang pencen.

### **Pengambilan Kira Tempoh Perkhidmatan**

16. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira bagi maksud pengiraan faedah persaraan (pencen dan ganjaran) ialah **mulai tarikh lantikan pertama anggota dalam perkhidmatan** sehingga anggota berkenaan bersara atau dibersarakan di bawah undang-undang pencen tertakluk kepada syarat-syarat mengenai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira di bawah undang-undang pencen. Walau bagaimanapun, apa-apa caruman KWSP syer Kerajaan/majikan serta faedah yang terakru bagi mana-mana tempoh perkhidmatan yang diambil kira hendaklah dibayar balik kepada Kerajaan sebagaimana contoh di **Lampiran E**.

### **Kematian Anggota Dalam Tempoh Opsyen**

17. Jika seseorang anggota yang telah memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain melalui opsyen semula meninggal dunia sebelum tarikh kuat kuasa opsyen tersebut, anggota itu disifatkan sebagai anggota berpencen seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 6A(6C) Akta 227 atau Seksyen 6A(6C) Akta 239 berdasarkan pengesahan ke dalam perkhidmatan beliau sebelum ini. Peruntukan undang-undang pencen berkaitan dengan pemberian pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain adalah terpakai ke atasnya pada tarikh kematiannya itu.

## **PENGEKALAN**

18. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 adalah terpakai bagi anggota yang dilantik pada atau selepas 1 Januari 2009.

## **TARIKH KUAT KUASA**

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa pada **1 Januari 2009**.

## **PEMAKAIAN**

20. Pekeliling Perkhidmatan ini meliputi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri serta pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

### **" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI ISMAIL ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

24 Disember 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## Lampiran A

### **Perbandingan Antara Faedah Persaraan/Faedah Terbitan Yang Akan Diterima Oleh Anggota Yang Memilih Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pilihan Pencen, Ganjaran atau Faedah-Faedah Lain**

<b>PERKARA</b>	<b>PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>	
	<b>SKIM KWSP</b>	<b>PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>
<b>1. ASAS PERUNDANGAN</b>	<p>Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452)</p> <p><b>NOTA:</b>Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.</p>	<p>(1) Akta Pencen 1980 (Akta 227);  (2) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239); dan  (3) Akta Penyelarasaran Pencen 1980 (Akta 238).</p> <p><b>NOTA:</b>Tertakluk kepada pindaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.</p>
<b>2. SKIM CARUMAN</b>  (a) Caruman Kerajaan (majikan)  (b) Caruman anggota	<p>(a) Caruman oleh Kerajaan (majikan) atas kadar <b>12%</b> emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap) sepanjang tempoh perkhidmatan anggota.</p> <p>(b) Caruman oleh anggota atas kadar <b>11%</b> emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap) sepanjang tempoh perkhidmatan anggota.</p> <p><b>NOTA:</b>Tertakluk kepada apa-apa kadar caruman yang ditetapkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452).</p>	<p>(a) Caruman oleh Kerajaan (majikan) atas kadar <b>12%</b> emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap).  (b) Caruman oleh anggota atas kadar <b>11%</b> emolumen (iaitu gaji dan imbuhan tetap).</p> <p><b>NOTA:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tertakluk kepada apa-apa kadar caruman yang ditetapkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 1991 (Akta 452).</li> <li>ii. Caruman dihentikan apabila anggota diberi taraf berpencen. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) berserta faedahnya dikembalikan kepada Kerajaan apabila faedah persaraan atau faedah terbitan di bawah undang-undang pencen diberi kepada anggota atau tanggungannya, atau semasa anggota mengeluarkan carumannya berserta faedah melalui Skim Pengeluaran Pekerja Berpencen KWSP.</li> </ul>
<b>3. PEMBERIAN TARAF BERPENCEN (PTB)</b>	Tiada konsep “pemberian taraf berpencen”.	<p>Taraf anggota berpencen diberi oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) [bagi pegawai Perkhidmatan Awam] atau Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam [bagi pekerja Pihak Berkuasa Berkanun atau Tempatan] selepas anggota disahkan dalam perkhidmatan dan mempunyai sekurang-kurangnya <b>3 tahun</b> tempoh perkhidmatan.</p> <p><b>NOTA:</b>Taraf anggota berpencen melayakkkan anggota diberi faedah persaraan sekiranya berlaku persaraan (kecuali bagi maksud persaraan atas sebab kesihatan dan persaraan setelah dilantik untuk berkhidmat dalam pertubuhan yang mana syarat pengesahan dalam perkhidmatan sahaja adalah memadai). Faedah terbitan boleh diberi dengan syarat telah disahkan dalam perkhidmatan sahaja.</p>

PERKARA	PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN	
	SKIM KWSP	PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN
4. FAEDAH PERSARAAN/ FAEDAH TERBITAN	<p>(1) Apabila anggota bersara atau meninggal dunia dalam perkhidmatan, anggota/penama/balu atau duda/anak akan diberi jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya untuk dikeluarkan mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.</p> <p>(2) Jika anggota meninggal dunia dalam persaraan, <b>tiada</b> apa-apa pemberian dibuat kepada mana-mana pihak sekiranya anggota telah mengeluarkan keseluruhan carumannya di KWSP berserta faedah ke atasnya.</p>	<p>(1) Faedah persaraan yang boleh diberi apabila anggota bersara ialah –</p> <p>(i) pencen (bulanan) atas kadar: <math>1/600 \times</math> jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira x gaji yang akhir diterima, tertakluk kepada maksimum sebanyak tiga per lima daripada gaji akhir yang diterimanya; dan</p> <p>(ii) ganjaran (sekaligus) atas kadar: <math>7.5\% \times</math> jumlah genapnya bulan perkhidmatan yang boleh dimasuk kira x gaji yang akhir diterima.</p> <p>(2) Faedah terbitan yang boleh diberi jika –</p> <p>(i) anggota meninggal dunia dalam perkhidmatan ialah –</p> <p>(a) pencen terbitan (bulanan) atas kadar seperti di (1)(i) tetapi tidak kurang <math>1/5</math> dari gaji akhir, kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• balu atau duda (diberi seumur hidup, tidak kira sama ada berkahwin semula atau tidak);</li> <li>• anak yang belum berkahwin (sehingga mencapai umur <b>21 tahun</b> atau sehingga menamatkan pendidikan ke <b>ijazah pertama</b>, mengikut mana yang terkemudian); dan</li> <li>• anak cacat dan tidak boleh menanggung nafkah sendiri (diberi seumur hidup) [sekiranya gemulah dilantik selepas 16 Mei 1986, kecacatan anak tersebut hendaklah sebelum dia mencapai umur <b>21 tahun</b>].</li> </ul> <p>(b) ganjaran terbitan (sekaligus) atas kadar seperti di (1)(ii), kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• balu atau duda;</li> <li>• anak di bawah umur 21 tahun (tiada had umur bagi anak cacat);</li> <li>• ibu (atau bapa tanggungan sekiranya ibu telah meninggal dunia)</li> </ul>

PERKARA	<b>PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>	
	<b>SKIM KWSP</b>	<b>PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>
		<p>Jika tiada ahli keluarga tanggungan, ganjaran terbitan diberi kepada wakil diri di sisi undang-undang.</p> <p>(ii) anggota meninggal dunia dalam persaraan ialah –</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(a) penceن terbitan yang kadarnya sama banyak dengan kadar pencen yang telah dibayar kepada gemulah, diberi kepada:</li> <ul style="list-style-type: none"> <li>• balu atau duda (seumur hidup, tidak kira sama ada berkahwin semula atau tidak);</li> <li>• anak yang belum berkahwin (sehingga mencapai umur <b>21 tahun</b> atau sehingga menamatkan pendidikan ke <b>ijazah pertama</b>, mengikut mana yang terkemudian); dan</li> <li>• anak cacat dan tidak boleh menanggung nafkah sendiri (diberi seumur hidup) [sekiranya gemulah dilantik selepas 16 Mei 1986, kecacatan anak tersebut adalah sebelum dia mencapai umur <b>21 tahun</b>].</li> </ul> <p>(3) Faedah-faedah lain yang boleh diberi kepada anggota ialah –</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) elaun bersara/elaun bersara terbitan kepada pegawai sementara di bawah seksyen 24/25 Akta 227; atau</li> <li>(ii) penceن hilang upaya sebagai pemberian tambahan kepada penceن di 1(i); atau</li> <li>(iii) penceن tanggungan sebagai pemberian tambahan kepada penceن terbitan di 2(i)(a); atau</li> <li>(iv) elaun tanggungan sebagai menggantikan penceن yang dihentikan dalam keadaan pesara atau penerima penceن dipenjarakan atau diisyiharkan bankrap.</li> </ul> <p><b>NOTA:</b> Pencen/penceن terbitan, elaun bersara/elaun bersara terbitan, penceن hilang upaya dan penceن tanggungan diselaraskan dibawah Akta 238 apabila berlaku semakan atau pelarasan gaji sektor awam secara umum.</p> </ul>

PERKARA	<b>PERBANDINGAN ANTARA SKIM KWSP DAN PILIHAN PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>	
	<b>SKIM KWSP</b>	<b>PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN</b>
	Pemberian Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR) dibayar kepada semua anggota sama ada yang memilih Skim KWSP atau pelsen, ganjaran atau faedah-faedah lain atas kadar $1/30 \times$ gaji yang akhir diterima (termasuk imbuhan tetap) $\times$ jumlah hari Cuti Rehat (atau Cuti Rehat Khas, bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan) yang dikumpulkan, tertakluk kepada had maksimum 150 hari.	
<b>5. FAEDAH PERUBATAN</b>	Tiada.	<p>Kemudahan rawatan dan perubatan di Hospital Kerajaan untuk pesara dan ahli keluarga tanggungan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Perintah Am Bab F 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2001.</p> <p><b>NOTA:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kad pesara akan dikeluarkan kepada semua pesara untuk pengenalan dan bagi melayakkan pesara mendapat faedah perubatan.</li> <li>ii. Tuntutan bayaran balik bagi kemudahan rawatan dan perubatan boleh dibuat kepada pihak-pihak seperti berikut – <ul style="list-style-type: none"> <li>(1) kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan;</li> <li>(2) kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi pesara Perkhidmatan Awam Negeri; dan</li> <li>(3) kepada Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan bagi pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.</li> </ul> </li> </ul>
<b>6. SEKIRANYA TAMAT PERKHIDMATAN <u>TANPA</u> BERSARA (CONTOHNYA, LETAK JAWATAN ATAU DIBUANG KERJA)</b>	Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya kekal dalam akaun KWSP anggota untuk ditambahkan kepada caruman semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.	Anggota <b>tidak</b> diberi pelsen, ganjaran atau faedah-faedah lain. Jumlah caruman Kerajaan (majikan) dan caruman anggota kepada KWSP, berserta faedah ke atasnya sebelum anggota memperolehi taraf berpelsen, kekal dalam akaun KWSP anggota untuk ditambahkan kepada caruman KWSP semasa pekerjaan seterusnya dan boleh dikeluarkan oleh pekerja mengikut peruntukan undang-undang KWSP yang berkuat kuasa.

**NOTA:**

- (1) Untuk fahaman terperinci, sila rujuk undang-undang berkaitan termasuk perundangan tambahan di bawah undang-undang tersebut.
- (2) Sebarang pertanyaan mengenai pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan ini termasuk penjelasan perbandingan antara faedah-faedah persaraan yang akan diterima oleh anggota yang memilih Skim KWSP dan yang memilih pelsen, ganjaran atau faedah-faedah lain hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pasca Perkhidmatan).

## **Lampiran B**

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2008 Borang Opsyen Semula**

Kepada:

---

---

---

(Ketua Jabatan)

Tuan,

Merujuk kepada Pekeling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008, saya dengan ini membuat opsyen semula untuk \*:

Memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan)(No. 2) 2008 / Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)(No. 2) 2008\*\*, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.

#### ***ATAU***

Kekal di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452).

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami akan segala kandungan Pekeling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008 serta implikasi, kesan dan akibat opsyen semula saya ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan :  
Nama :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Tarikh :

\* Tandakan ( ✓ ) dalam petak yang berkenaan  
\*\* Potong mana yang tidak berkenaan

Disahkan oleh:

Tandatangan : Cop Rasmi Jabatan :  
Nama :  
Jawatan :  
Tarikh :

## **Lampiran C**

### **CATATAN DI BUKU REKOD PERKHIDMATAN KERAJAAN**

*“Opsyen Semula Di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008*

*Telah memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain dan tertakluk kepada Akta Pencen 1980 (Akta 227) dibaca bersama-sama Akta Pencen (Pindaan) (No. 2) 2008 / Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (Akta 239) dibaca bersama Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan)(No. 2) 2008\*, tertakluk kepada semua peruntukan Akta Pindaan tersebut.*

*(ATAU)*

*Telah memilih untuk kekal di bawah Skim KWSP dan tertakluk kepada Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452 ). ”*

***Tandatangan pihak yang mengesahkan,  
jawatannya dan tarikh pengesahan***

*\*Potong mana yang tidak berkenaan. Akta 227 ialah bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Negeri dan Akta 239 ialah bagi pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.*

**Lampiran D**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2008**  
**Laporan Jumlah Anggota Yang Membuat Opsyen Semula**

PILIHAN DI BAWAH P.P. 19/2008	MEMILIH PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN		MEMILIH KEKAL DI BAWAH SKIM KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA	
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN				
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI				
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (GRED 41 – 54)				
KUMPULAN SOKONGAN (GRED 31 – 40)				
KUMPULAN SOKONGAN (GRED 21 – 30)				
KUMPULAN SOKONGAN (GRED 17 – 20)				
KUMPULAN SOKONGAN (GRED 1 – 16)				
<b>JUMLAH</b>				

Pegawai Yang Mengesahkan Maklumat

Nama & Alamat Lengkap Jabatan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_


Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

## Lampiran E

### PENGAMBILAN KIRA TEMPOH PERKHIDMATAN BAGI TUJUAN PERKIRAAN PENCEN DAN GANJARAN BAGI ANGGOTA YANG MEMILIH PENCEN, GANJARAN ATAU FAEDAH-FAEDAH LAIN DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 19 TAHUN 2008



1. Tempoh perkhidmatan bagi pengiraan pencen dan ganjaran bagi anggota yang memilih pencen, ganjaran atau faedah-faedah lain ialah :
  - (i) bagi persaraan, dari (A) hingga sehari sebelum tarikh persaraan di (F);
  - (ii) bagi kematian dalam perkhidmatan, dari (A) hingga tarikh kematian di (F).
2. Pencen/Pencen Terbitan:
 

$1/600 \times 360$  bulan (maksimum tempoh perkhidmatan yang diambil kira)  $\times$  gaji akhir yang diterima [bagi persaraan, pada sehari sebelum tarikh persaraan di (F) dan bagi kematian dalam perkhidmatan, pada tarikh kematian di (F)].
3. Ganjaran/Ganjaran Terbitan:
 

$7.5\% \times 396$  bulan  $\times$  gaji akhir yang diterima [bagi persaraan, pada sehari sebelum tarikh persaraan di (F) dan bagi kematian dalam perkhidmatan, pada tarikh kematian di (F)] tolak KWSP caruman syer Kerajaan/majikan bagi tempoh caruman di (A) sehingga di (E) berserta faedah yang terakru.